From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KECEWA SPM TIDAK PATAHKAN SEMANGAT, GADIS PAPAR GENGGAM STPM 4.00 TERIMA TAJAAN PENUH KPT
Date: Monday, 7 September, 2026 4:21:16 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

7 SEPTEMBER 2026 / 25 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Kori Ariff
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

KECEWA SPM TIDAK PATAHKAN SEMANGAT, GADIS PAPAR GENGGAM STPM 4.00 TERIMA TAJAAN PENUH KPT



UUM ONLINE: PUTRAJAYA - Kekecewaan apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak mencapai sasaran tidak pernah memadamkan impian Nurul Amira Wira untuk melanjutkan pengajian ke menara gading.

Sebaliknya, gadis kelahiran Papar, Sabah itu memilih untuk bangkit, menjadikan kegagalan sebagai titik tolak untuk membuktikan bahawa jalan menuju kejayaan tidak semestinya bermula dengan langkah yang sempurna.

Hari ini, segala jerih payahnya berbaloi apabila Nurul Amira menerima hadiah penajaan pembayaran yuran pengajian dan penginapan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir, pagi tadi di Putrajaya.

Momen bermakna itu turut disaksikan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed serta naib-naib canselor universiti awam lain.

Bagi Amira, penajaan penuh yang diterimanya bukan sekadar bantuan kewangan, sebaliknya menjadi simbol bahawa setiap pengorbanan, air mata dan usaha yang dicurahkan akhirnya menemukan sinarnya.

Di sebalik kejayaan itu berdiri dua insan yang menjadi sumber kekuatan terbesar dalam hidupnya.

Bapanya, Wira Maulaha, 56, berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, manakala ibunya, Kamsiah Jual, 55, merupakan seorang jururawat.

Kesibukan kedua-dua ibu bapanya yang saban hari mencurahkan tenaga demi mencari rezeki dan berkhidmat kepada masyarakat menjadi teladan yang membentuk jiwa Amira sejak kecil.

“Saya merupakan seorang anak jati dari bumi Sabah dan kedua-dua ibu bapa saya berkhidmat dalam sektor kesihatan.

“Sejak kecil lagi, saya sudah terbiasa melihat betapa sibuknya mereka keluar bekerja demi mencari rezeki. Pengalaman tersebut banyak mengajar saya tentang erti pengorbanan masa dan tenaga, malah kesungguhan mereka turut menjadi dorongan terbesar untuk saya fokus mengejar cita-cita.

“Melihat dedikasi yang ditunjukkan oleh mereka sejak di bangku sekolah lagi, saya sedar bahawa peluang melanjutkan pengajian ke menara gading ini adalah hasil titik peluh mereka sepenuhnya.

“Disebabkan itu, saya berjanji pada diri sendiri untuk belajar bersungguh-sungguh untuk membalas segala jasa mereka,” luah Amira.

Namun, perjalanan Amira menuju kejayaan bukanlah sebuah lorong yang sentiasa mudah.

Kegagalan memperoleh keputusan *Straight A’s* dalam SPM pernah meruntuhkan harapannya untuk melangkah ke institusi pilihan utama, manakala laluan Tingkatan Enam pula hadir sebagai satu perjalanan yang tidak pernah dirancang.

Ketika rakan-rakan karibnya melangkah ke matrikulasi, Amira memilih untuk meneruskan perjuangan melalui Tingkatan Enam.

Dalam suasana baharu yang pada awalnya membuatkan dirinya berasa keseorangan, Amira tidak memilih untuk meratapi nasib.

Sebaliknya, beliau bangkit membina keyakinan diri dengan menyertai Majlis Perwakilan Pelajar Tingkatan 6 (MAPTEN) sebagai Naib Pengerusi sebelum diberi amanah sebagai Pemangku Pengerusi apabila pengerusi asal berpindah sekolah.

“Tugasan baharu ini pada mulanya membuatkan saya berasa agak takut kerana ini kali pertama saya memikul tanggungjawab yang besar.

“Namun, kehadiran ahli MAPTEN yang sangat membantu dan sentiasa menyokong telah menaikkan semangat saya.

“Kesedaran itu akhirnya membuatkan saya bertekad menguatkan hati bagi mengambil alih peranan sebagai Pemangku Pengerusi dalam menjalankan amanah untuk pelajar Tingkatan 6,” kenangnya.

Ujian Amira tidak terhenti di situ apabila aspek kewangan turut menjadi cabaran sepanjang pengajian STPM.

Pada Semester 1, wang simpanan peribadinya sebanyak RM300 habis digunakan untuk membeli buku rujukan, sedangkan keperluan pengajian semakin bertambah pada semester-semester berikutnya.

Tekanan tersebut tidak mematahkan semangatnya. Sebaliknya, Amira menjadikan keterbatasan sebagai pembakar semangat untuk terus berusaha sehingga akhirnya berjaya mencatat keputusan GPA 4.00 pada setiap semester.

Dengan bimbingan guru-guru yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu serta sokongan dua sahabat yang sentiasa berada di sisinya, Amira membuktikan bahawa kekurangan bukan alasan untuk berhenti mengejar kecemerlangan.

“Alhamdulillah, usaha berterusan itu membuahkan hasil apabila saya berjaya memperoleh keputusan GPA 4.00 setiap semester.

“Pencapaian ini merupakan hadiah terbaik bagi menghargai segala pengorbanan kedua-dua ibu bapa saya,” tutur Amira penuh rasa syukur.



Apabila ditanya mengenai rahsia kejayaannya, Amira berkongsi tiga prinsip yang menjadi ‘Formula 4 Flat’ miliknya.

Pertama, fokus sepenuhnya ketika guru mengajar dan tidak membiarkan diri terleka di dalam kelas.

Kedua, menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 80 peratus markah bagi setiap latihan sebelum menganggap sesuatu topik benar-benar dikuasai.

Ketiga, mengamalkan pembelajaran bersama rakan dengan saling bersoal jawab selepas selesai mengulang kaji bagi menguji tahap kefahaman dan ingatan.

“Gabungan antara fokus dalam kelas, disiplin sendiri, dengan semangat belajar berkumpulan inilah formula yang membantu saya skor 4 Flat,” jelas Amira.

Di sebalik pencapaian akademik yang membanggakan itu, tersimpan satu cita-cita yang cukup dekat dengan hatinya – menjadi seorang guru.

“Cita-cita saya adalah untuk menjadi seorang guru,” katanya ringkas namun penuh tekad.

Berbekalkan impian tersebut, Amira meletakkan UUM sebagai pilihan teratas dalam permohonan UPU sebelum akhirnya menerima tawaran mengikuti pengajian Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengurusan Perniagaan) di Pusat Pengajian Pendidikan, UUM selepas berjaya melalui sesi temu duga.

Penajaan penuh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diterimanya hari ini pula menjadi penawar paling manis kepada segala pengorbanan yang dicurahkan oleh keluarganya di Sabah.

Merentasi Laut China Selatan dari Papar ke Sintok, Kedah, rasa gementar kerana bakal berjauhan daripada keluarga kini bertukar menjadi semangat untuk melakar masa depan.



Amira bersedia melangkah ke bumi Sintok dengan satu tekad – menimba ilmu, mengasah bakat dan mempersiapkan diri untuk menjadi pendidik yang mampu memberi manfaat kepada anak bangsa.

“Saya memilih untuk melihat perjalanan ke UUM ini sebagai satu aturan rezeki yang terbaik bagi melatih diri menjadi seorang pendidik masa hadapan.

“Kehadiran saya di bumi Kedah adalah untuk menimba ilmu serta mengasah bakat agar dapat bergelar guru yang berkualiti satu hari nanti.

“Selain itu, bantuan penajaan yuran pengajian yang diterima pula menjadi pemangkin untuk saya menggunakan peluang ini sebaiknya demi membanggakan keluarga yang berada di Sabah.

“Saya bertekad dan berjanji untuk memberikan komitmen terbaik demi menggembirakan keluarga tercinta,” akhiri Amira dengan tekad.

Kisah Nurul Amira menjadi bukti bahawa keputusan SPM bukanlah noktah kepada sebuah perjalanan, sebaliknya keberanian untuk bangkit selepas kecewa itulah yang mampu mengubah arah masa depan.

Daripada seorang gadis yang pernah kecewa kerana tidak mencapai sasaran SPM, Amira kini hadir sebagai pemilik GPA 4.00 setiap semester, penerima penajaan penuh KPT dan bakal mahasiswa UUM yang membawa impian besar untuk bergelar pendidik.

Seluruh warga Universiti Utara Malaysia mengucapkan syabas dan selamat datang kepada Nurul Amira Wira.

Terbanglah tinggi anak muda dari bumi Sabah. Di Lembah Sintok ini, teruskan menyalakan pelita ilmu yang telah kau nyalakan sejak dahulu, agar suatu hari nanti sinarnya mampu menerangi jalan generasi akan datang.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.